



GARIS PANDUAN
POTONGAN CUKAI DUA KALI
(DOUBLE TAX DEDUCTION-DTD)
BAGI AKTIVITI PENYELIDIKAN DI
BAWAH SEKSYEN 34B AKTA CUKAI
PENDAPATAN (ACP) 1967

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
RESEARCH MANAGEMENT CENTRE

PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)

Rev.3 (Februari 2026)

1. PENGENALAN

- 1.1 Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah mengiktiraf dan memberi kelulusan kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) sebagai “Institut Penyelidikan Yang Diluluskan” (IPYD) di bawah Seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 mulai 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2028.
- 1.2 Setiap syarikat yang memberi sumbangan wang tunai atau bayaran atas perkhidmatan penyelidikan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) bagi tujuan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan layak dipertimbangkan untuk mendapat insentif potongan cukai dua kali.
- 1.3 Setiap syarikat yang memberi sumbangan wang tunai atau bayaran atas perkhidmatan penyelidikan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) bagi tujuan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan layak dipertimbangkan untuk mendapat insentif potongan cukai dua kali.
- 1.4 Hanya projek penyelidikan yang dijalankan melalui pihak IPYD iaitu Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), UPM sahaja yang layak untuk memohon potongan cukai dua kali (DTD).

2. TUJUAN

- 2.1 Meningkatkan usaha kerjasama R&D bersama sektor swasta.
- 2.2 Menarik minat Syarikat untuk melabur serta mendapatkan insentif potongan cukai dua kali.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Menerangkan kriteria, tatacara dan proses pelaksanaan insentif potongan cukai sebanyak dua kali (DTD) seperti yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) selaras dengan Seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.
- 3.2 Menerangkan peranan dan tanggungjawab Penyelidik dan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).

4. KRITERIA KELAYAKAN SYARIKAT BAGI POTONGAN CUKAI DUA KALI (DTD)

- 4.1 Menjalankan perniagaan serta berdaftar dibawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- 4.2 Menggunakan khidmat institut yang diluluskan (IPYD) oleh Menteri yang berkaitan.
- 4.3 Sumber kewangan aktiviti R&D adalah hasil dari perniagaan Syarikat dan tidak menggunakan Dana Awam.
- 4.4 Projek R&D adalah berkaitan dengan perniagaan Syarikat.
- 4.5 Aktiviti R&D yang memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakan.
- 4.6 Sumbangan tunai tanpa mengenakan sebarang syarat atau bayaran atas perkhidmatan penyelidikan ke institusi yang diluluskan (IPYD).

5. SUMBANGAN YANG DIBENARKAN

- 5.1 Sumbangan tunai
 - (a) Syarikat memberikan sumbangan tunai kepada IPYD untuk aktiviti penyelidikan tanpa mengenakan sebarang syarat.
- 5.2 Bayaran atas perkhidmatan penyelidikan
 - (b) Bayaran untuk penggunaan perkhidmatan institut penyelidikan yang diluluskan dan memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakan.

6. SYARAT PENYELIDIKAN

6.1 Aktiviti R&D hendaklah memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakan untuk insentif boleh dituntut sebagai potongan khas di bawah Seksyen 34B ACP (potongan dua kali) seperti berikut:

- a. Mempunyai objektif untuk;
 - Memperolehi pengetahuan baharu; dan
 - Mencipta produk baharu atau proses baharu; dan/atau
 - Penambahbaikan pada produk atau proses yang sedia ada
- b. Melibatkan perkara yang baharu (sesuatu yang baharu); atau mempunyai risiko teknikal.
- c. Merupakan kajian sistematik, penyiasatan dan eksperimen dalam bidang Sains dan Teknologi.

6.2 Kriteria aktiviti R&D yang TIDAK LAYAK potongan khas di bawah Seksyen 34B ACP (potongan dua kali) adalah seperti berikut:

- a. Kawalan kualiti atau ujian rutin pada bahan, peranti atau produk.
- b. Penyelidikan dalam sains sosial atau ilmu kemanusiaan.
- c. Pemungutan data rutin.
- d. Kaji selidik kecekapan atau kajian pengurusan.
- e. Penyelidikan pasaran atau promosi jualan.
- f. Pengubahsuaian (modifikasi) atau perubahan rutin kepada bahan bahan, peranti, produk, proses atau kaedah pengeluaran.
- g. Pengubahsuaian kosmetik atau perubahan gaya kepada bahan bahan, peranti, produk, proses atau kaedah pengeluaran

7. TANGGUNGJAWAB PENYELIDIK

7.1 Penyelidik menghantar Lampiran 1 (LHDN) bersama kertas cadangan penyelidikan kepada RMC untuk memohon pengesahan kelayakan DTD bagi pembayaran perkhidmatan penyelidikan.

7.2 **AKAUN AMANAH PENYELIDIKAN SIRI 63XXXXXX** hendaklah dibuka dibawah pihak RMC (Sila pilih nama Pengarah RMC sebagai Ketua PTJ dalam sistem i-Amanah). Segala perbelanjaan projek akan diuruskan pihak RMC untuk kelulusan dan proses pembayaran. Sila rujuk jadual di bawah berkenaan dengan penama penama yang perlu diletakkan sewaktu pembukaan akaun amanah:

Proses	Jawatan	Nama
PROSES AKAUN AMANAH		
Surat Permohonan Pembukaan Akaun Amanah	Melalui Pengarah RMC	Prof. Dr. Mohd Adzir Mahdi
Pemohon / Pemegang Amanah (Para 25)	Ketua Penyelidik	Penyelidik
Saksi (Para 25)	Ketua PTJ	Ketua PTJ Penyelidik
SENARAI JAWATANKUASA AKAUN AMANAH		
Jawatankuasa Pemegang Amanah (Para 7)	Ketua PTJ (Pengarah RMC)	Prof. Dr. Mohd Adzir Mahdi
Jawatankuasa Pemegang Amanah (Para 7)	Timbalan Pengerusi (Timbalan Pengarah Seksyen Pendanaan & Seksyen Permohonan Geran dan Perjanjian Penyelidikan RMC)	Prof. Madya Ts.Dr. Mohamad Faizal Ibrahim
Jawatankuasa Pemegang Amanah (Para 7)	Setiausaha (Ketua Seksyen Pentadbiran RMC)	En. Nasrul Amri Selamat

Jawatankuasa Pemegang Amanah (Para 7)	Pemegang Amanah	Ketua Penyelidik
Jawatankuasa Pemegang Amanah (Para 7)	Ahli	Ahli Penyelidik
Jawatankuasa Pemegang Amanah (Para 7)	Ahli	Ahli Penyelidik

- 7.3 Bertanggungjawab menyelesaikan projek dalam masa yang ditetapkan.
- 7.4 Memastikan segala perbelanjaan dan resit yang berkaitan dengan projek penyelidikan disimpan dengan baik dan memberi salinan resit perbelanjaan kepada pihak RMC.
- 7.5 Bagi pindahan vot (virement), hanya pindahan vot dari jumlah yang tidak layak DTD ke jumlah yang layak DTD sahaja dibenarkan tertakluk kepada kelulusan Penaja dan Pihak RMC. Resit asal dikekalkan dan tidak ada pengeluaran resit baru untuk tuntutan cukai.

Vot	Keterangan
Vot 35000 ke 11000, 21000, 24000, 27000, 29000	Dibenarkan
Vot 11000, 21000, 24000, 27000, 29000 ke 35000	Tidak dibenarkan
Vot 11000, 21000, 24000, 27000, 29000 ke 11000, 21000, 24000, 27000, 29000	Dibenarkan

*Sila rujuk No.10 untuk butiran terperinci setiap vot no.

- 7.6 Mengemukakan laporan 2 kali setahun (setiap 6 bulan) beserta dokumen berkaitan kepada pihak RMC.
- 7.7 Sila rujuk Lampiran B - Tatacara Bayaran Atas Perkhidmatan

Potongan Cukai Dua Kali (DTD) bagi proses terperinci.

8. TANGGUNGJAWAB IPYD (RMC, UPM)

8.1 Menyimpan rekod dan resit berhubung dengan segala tuntutan bagi perbelanjaan yang dilakukan bagi projek penyelidikan dan direkodkan secara berasingan bagi setiap projek melalui penyelidik;

- (a) Perjanjian kesefahaman/surat anugerah/surat perjanjian di antara IPYD dengan pelanggan untuk mengesahkan butiran projek dan aktiviti R&D.
- (b) Rekod penyelidik seperti butiran penyelidik, helaian masa sepanjang projek, jadual aktiviti R&D dan memastikan definisi R&D dipatuhi.
- (c) Rekod kewangan seperti resit rasmi atas sumbangan tunai / pembayaran atas perkhidmatan, rekod penerimaan sumbangan tunai, rekod perbelanjaan aktiviti R&D, rekod pembayaran gaji kepada penyelidik dan kakitangan

8.2 Pengurusan dan Pentadbiran

- (a) Pengeluaran resit rasmi sumbangan tunai dan bayaran atas perkhidmatan hendaklah mempunyai catatan seperti di bawah.

Catatan di resit rasmi yang dikeluarkan kepada penderma / pelanggan (BAYARAN YANG LAYAK)
(i) Sumbangan tunai ke atas IPYD (Universiti A) di bawah seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan 1967
(ii) Bayaran atas perkhidmatan (bayaran pertama/kedua dan sebagainya) ke atas IPYD (Universiti A) di bawah seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan 1967

Catatan di resit rasmi yang dikeluarkan kepada penderma / pelanggan (BAYARAN YANG TIDAK LAYAK)
Bayaran atas 'Analysis For Cured Epoxy Compound' (Tidak layak potongan khas dua kali di bawah seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan 1967)
Bayaran atas 'Analisa sampel daun, tanah dan baja' (Tidak layak potongan khas dua kali di bawah seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan 1967)

- (b) Memastikan pemberian dalam bentuk harta modal tidak dibenarkan potongan dua kali.
- (c) Semua akaun potongan cukai dua kali (DTD) perlu dibuka di Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC). Segala perbelanjaan dan kelulusan perlu melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).
- (d) IPYD bertanggungjawab ke atas semua aktiviti/projek R&D yang dijalankan bagi pihak pelanggan melalui pihak Penyelidik.
- (e) Menyerahkan salinan borang Jawatankuasa Semakan dan Pengesahan Sumbangan Penyelidikan (JKSP), surat pengesahan bayaran perkhidmatan penyelidikan, Lampiran 1 (LHDN) dan resit rasmi pembayaran ke syarikat melalui penyelidik.
- (f) Sebarang penerimaan sumbangan tunai dan baki pendapatan yang tinggal bagi setiap projek DTD tidak akan dipulangkan kepada pihak industri. Ia akan diletakkan di bawah Akaun Amanah Sumbangan Tunai -Vot no: 6308000 tertakluk kepada kelulusan Pengarah RMC.

9. TATACARA PERMOHONAN

9.1 Sumbangan Tunai (Rujuk Carta Alir Lampiran A)

- (a) Syarikat memaklumkan kepada pihak RMC melalui surat tawaran untuk sumbangan tunai.
- (b) Mesyuarat semakan dan pengesahan kelayakkan potongan cukai dua kali oleh Jawatankuasa Semakan dan Pengesahan Sumbangan Penyelidikan (JKSP).
- (c) Syarikat menyalurkan peruntukan ke akaun Kira Kira AM UPM dan mengisi borang permohonan DTD.
- (d) Pusat Pengurusan Penyelidikan akan mengeluarkan surat pengesahan sumbangan tunai berdasarkan resit rasmi dari pihak Bendahari, UPM.

9.2 Bayaran atas perkhidmatan penyelidikan (Rujuk Carta Alir Lampiran B)

- (a) Penyelidik menghantar kertas cadangan, bajet, dan borang Lampiran 1 (LHDN) untuk pra semak.
- (b) Syarikat mengeluarkan surat tawaran (LoA) / MOA.
- (c) Mesyuarat semakan dan pengesahan kelayakkan potongan cukai dua kali oleh Jawatankuasa Semakan dan Pengesahan Sumbangan Penyelidikan (JKSP).
- (d) Penyelidik membuka akaun Amanah penyelidikan.
- (e) Syarikat menyalurkan peruntukan ke akaun Kira Kira AM UPM dan mengisi borang permohonan DTD.
- (f) Pusat Pengurusan Penyelidikan akan mengeluarkan surat pengesahan bayaran perkhidmatan penyelidikan berdasarkan resit rasmi dari pihak Bendahari, UPM.

10. BUTIRAN PEMBELIAN/PERBELANJAAN YANG DIBENARKAN

10.1 Vot 11000 - Gaji dan Elaun

- Upah dan elaun untuk pembantu penyelidik (RA) adalah dibenarkan.
- 10.2 Vot 21000 - Kos Perjalanan dan Pengangkutan
- Perjalanan bagi tujuan kerja lapangan dan menghadiri bengkel yang berkaitan dengan projek yang dijalankan sahaja. Walaubagaimanapun, kadar tuntutan perjalanan tertakluk kepada pekeliling Perbendaharaan. Elaun harian terhad kepada RM400/sehari.
- 10.3 Vot 24000 – Sewaan
- Bagi peralatan, pengangkutan, bangunan dan barangan yang digunakan secara langsung dengan penyelidikan.
 - Permohonan hendaklah mendapat kelulusan daripada RMC.
- 10.4 Vot 27000 - Bekalan dan Bahan Penyelidikan
- Bahan mentah dan bahan berkaitan penyelidikan sahaja.
- 10.5 Vot 28000 – Penyelenggaraan
- Hanya perbelanjaan untuk penyelenggaraan peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.
- 10.6 Vot 29000 - Perkhidmatan Ikhtisas
- Perkhidmatan lain termasuk pencetakan, honorarium, enumerator, perkhidmatan professional konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

*Sila rujuk Lampiran C - Perbelanjaan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan


10. PENAFIAN

Pihak UPM tidak akan bertanggungjawab sekiranya pihak syarikat tidak dapat membuat tuntutan potongan cukai dua kali. Kelulusan ini tertakluk sepenuhnya

daripada pihak LHDN.


LAMPIRAN A

TATACARA SUMBANGAN TUNAI POTONGAN CUKAI DUA KALI (DTD)



LAMPIRAN B

TATACARA BAYARAN ATAS PERKHIDMATAN POTONGAN CUKAI DUA KALI (DTD)



LAMPIRAN C

PERBELANJAAN YANG DIBENARKAN DAN TIDAK DIBENARKAN

DIBENARKAN
Bahan mentah yang digunakan dalam penyelidikan.
Tenaga manusia dalam projek penyelidikan <ul style="list-style-type: none">Gaji / Elaun
Perkhidmatan teknikal <ul style="list-style-type: none">Bayaran perunding yang dibayar kepada sebuah organisasi penyelidikan untuk mendapatkan nasihat berkaitan projek yang dijalankan
Kos perjalanan <ul style="list-style-type: none">Lawatan ke stesen penyelidikan dan menghadiri seminar yang berkaitan dengan projek penyelidikan
Kos pengangkutan <ul style="list-style-type: none">Kos pengangkutan bahan mentah yang digunakan dalam penyelidikan
Kos penyelenggaraan <ul style="list-style-type: none">Kos penyelenggaraan kenderaan, bangunan, peralatan dan jentera yang digunakan untuk aktiviti penyelidikan dibenarkan
Sewaan <ul style="list-style-type: none">Sewa kenderaan, bangunan, peralatan dan jentera yang digunakan untuk aktiviti penyelidikan dibenarkan
Lain-lain (utiliti, <i>printing report</i> dll) <ul style="list-style-type: none">Bil air, elektrik, telefon, alat tulis, faks, kourier, alat tulis dan mesin fotostat dan yang berkaitan aktiviti penyelidikan dibenarkan

TIDAK DIBENARKAN

Perbelanjaan modal (aset dan inventori) termasuk duit setem.

Pembelian barang dengan anak Syarikat berkaitan.

Perbelanjaan yang tidak berkaitan dalam mencapai objektif projek R&D.

Perbelanjaan berkaitan kajian pasaran.

Perbelanjaan berkaitan perlindungan harta intelek (*patent, copyright* dll).

Perbelanjaan berkaitan aktiviti pengkomersilan.

Perbelanjaan untuk pembentangan penerbitan samada seminar atau jurnal.